



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2020/2021 SEMESTER 1

KOD KURSUS

UHS1022 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA

PROPOSAL PROJEK POSTER

TAJUK TUGASAN:

IMPAK BURUK MODENISME DALAM KEHIDUPAN

KUMPULAN 4

SEKSYEN 78

NAMA PENSYARAH :

DR. NURAZMALLAIL BIN MARNI

NO	NAMA PELAJAR	NO. MATRIK
1.	OMAR MOKHTAR BIN YOHAN	A20EC0128
2.	MUHAMMAD HARUN BIN MARZUKI	A20EC0212
3.	NUR AFIKAH BINTI MOHD HAYAZI	A20EC0220
4.	UMI SUHANA BINTI ABDUL RAHMAN	B20EC0055
5.	IMAN AIDI ELHAM BIN HAIRUL NIZAM	A20EC5006
6.	MUHAMMAD AMIN HAIQAL BIN ROSLEE	A20EC0207

Impak buruk Modenisme Dalam Kehidupan

1. Justifikasi Pemilihan Tajuk

Era ini menyaksikan dunia yang berkembang dengan begitu pantas sehingga berlaku ketidakpastian dan kekeliruan pemikiran. Kepesatan teknologi membawa perubahan yang besar. Turut sama berubah adalah gaya fikir manusia pada zaman moden ini. Akibatnya lahir aliran pemikiran modenisme. Gerakan modenisme telah berjaya merombak sistem tradisi masyarakat Barat dalam segenap aspek kehidupan meliputi bidang pemerintahan, keilmuan, perundangan, seni hiburan dan tata cara normal. Menerusi faham sekularisme ini, gerakan modenisme menentukan tafsiran baru terhadap dimensi agama dan budaya menerusi kerangka 'rasionalisme'. Pemikiran modenisme ini merebak dan berkembang kononnya sebagai gerakan intelektual dan kebudayaan dengan kepercayaan bahawa masyarakat hendaklah dibebaskan daripada tradisinya. Atas alasan mahu bebas berfikir, ada orang yang menjauhkan diri daripada agama. Ada orang mengaku mengimani rukun-rukun agama tetapi mempertikaikan hukum hakamnya.

2. Latar Belakang Tajuk

Modenisme merujuk kepada gerakan kebudayaan dalam seni, seni bina, muzik, kesusasteraan dan seni gunaan yang berkembang 30 tahun sebelum 1914. Istilah ini merujuk kepada gerakan politik, kebudayaan dan seni yang muncul pada akhir abad ke-19 dan permulaan abad ke-20, serentak dengan perubahan dalam masyarakat Barat. Gerakan ini menekankan kuasa manusia mencipta, memperbaiki, dan membentuk semula persekitaran mereka dengan bantuan ilmu sains, teknologi dan uji kaji praktikal. Modenisme menggalakkan penilaian semula setiap aspek kewujudan, dari perdagangan ke falsafah dengan matlamat menentukan apa itu yang "menyekat" kemajuan sosial, dan menggantikan itu dengan sesuatu kaedah yang lebih baru, dan lebih baik. Dalam pada itu, gerakan modenisme mendakwa bahawa realiti zaman industri dan mekanisme adalah tetap dan kekal dan manusia patut mengubah pandangan mereka terhadap keduniaan agar menerima bahawa yang baru itu baik, benar dan indah. Dengan mendukung perubahan serta gerakan semasa, modenisme merangkumi karya pemikir yang menentang tradisi akademik dan sejarah abad ke-19, dan berhujah bahawa bentuk seni, seni bina, sastera, agama, organisasi sosial dan kehidupan harian yang "tradisional" sudah ketinggal zaman. Mereka menerima aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik baru dalam dunia yang semakin diindustrikan.

3. Permasalahan Tajuk

Isu utama yang diperdebatkan oleh golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai modenis ialah pertembungan antara tradisi Islam dan kemodenan termasuk persoalan sama ada suatu perkara dalam agama itu bersifat kekal atau berubah. Mereka mempersoalkan sama ada semua yang diwarisi oleh masyarakat Islam dari segi ibadah, akidah, nilai dan sistem pemikiran bersifat kekal dan tidak

boleh berubah. Perkara yang telah tetap dan menjadi asas hidup umat ini, dipertikaikan kerana kononnya perlu kepada evaluasi semula agar disesuaikan dengan kemodenan hari ini. Ahli-ahli falsafah seperti Rene Descartes, John Locke, Immanuel Kant, David Hume, Auguste Comte, Jeremy Bentham, J. S. Mill, Nietzsche dan lain-lain telah memberikan penekanan terhadap rasionalisme dan liberalisme atau pembebasan manusia daripada tradisi dan dogma. Pada umumnya, modenisme Barat bersifat angkuh dan mengagungkan akal rasional dan sains semata-mata. Sepertimana yang dapat dilihat pada tulisan ahli-ahli falsafah yang disebutkan di atas, terdapat tiga premis utama yang mendasari pemikiran modenisme: Pertama, Tuhan itu tidak wujud atau diragui kewujudannya (ateisme, agnotisme). Kedua, alam semesta wujud secara mekanistik mengikut hukumnya yang tersendiri (immanentisme). Ketiga, akal rasional, sains dan pancaindera mampu memahami fenomena alam dengan sendiri (humanisme, rasionalisme). Ramai golongan masyarakat kita terutamanya golongan muda menafsir pemikiran modenisme ini dan kemudiannya mengasingkan diri agama dan amalan tradisional kita kerana menganggap perkara-perkara itu sudah tidak sesuai dengan zaman moden ini. Akibatnya, amalan turun-temurun kita akan semakin pupus dan muncul keruntuhan akhlak disebabkan oleh pegangan agama yang lebih lemah.

4. Objektif

- 1) Mengenalpasti konsep dan falsafah modenisme daripada pelbagai perspektif.
- 2) Menganalisis kaitan antara premis-premis utama falsafah modenisme dengan penolakan segelintir masyarakat terhadap amalan tradisi dan agama dalam kehidupan.
- 3) Mengenalpasti kesan falsafah modenisme terhadap individu, masyarakat dan negara.
- 4) Menganalisis faktor yang menjadikan falsafah modenisme semakin menular dalam masyarakat.